

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 13 JANUARI 2014 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Mustafa penerima TRSM	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA KAMPUS) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH : 13 JANUARI 2014 (ISNIN)**

# Mustafa penerima TRSM

Antara penerima termuda anugerah *Top Research Saintis Malaysia 2013* yang merupakan penerima tunggal dari Universiti Malaysia Perlis

**P**ENSYARAH Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah mengumumkan sebagai penerima anugerah *Top Research Saintis Malaysia (TRSM) 2013* dalam satu majlis anjuran **Akademi Sains Malaysia** baru-baru ini.

Dalam majlis yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak itu, Mohd. Mustafa, 34, merupakan penerima tunggal UniMAP dari kalangan 35 penerima lainnya yang diumumkan oleh Presiden ASM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Selain itu, Mohd. Mustafa juga merupakan penerima termuda anugerah TRSM pada tahun ini dan boleh menggunakan gelaran TRSM selama lima tahun.

Mohd. Mustafa ketika ditemui melahirkan rasa syukur dengan pengiktirafan tertinggi dalam ranking penyelidikan di Malaysia dan berazam akan memanfaatkan anugerah tersebut untuk terus membudayakan penyelidikan di kalangan generasi muda di Malaysia.

Ujarnya, menjadi penerima tunggal tanpa gelaran Profesor atau Profesor Madya menjadikan saya semakin bersemangat untuk menjalankan kajian penyelidikan dan inovasi dalam bidang yang saya minati iaitu geopolimer dan penyelidikan teknologi hijau.

"Kejayaan ini tidak akan saya miliki



**AHMAD Tajuddin Ali (kiri) menyampaikan Anugerah TRSM 2013 kepada Mohd. Mustafa dalam satu majlis di Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

tanpa sokongan kuat dari Pengurusan Tertinggi UniMAP terutama Naib Canselornya Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin selain kepercayaan keluarga terutama isteri, Norazian Mohd. Noor dan ibu saya, Che Zaimah Che Hashim.

"Lebih bermakna, anugerah ini diterima selepas dua hari ibu saya dibenarkan keluar dari Kuantan Medical Centre selepas

berada dalam keadaan kritikal akibat jangkitan kuman. Saya percaya, kejayaan seseorang individu adalah atas restu ibu dan isteri," ujarnya lagi.

Anugerah TRSM 2013 dianjurkan bertujuan untuk mengenalpasti tokoh-tokoh penyelidikan untuk dijadikan mentor dalam melahirkan generasi baru saintis negara selain menjadi ketua dalam

melaksanakan agenda Sains, Teknologi dan Inovasi negara.

Selain TRSM 2013, majlis pada malam tadi turut menyaksikan penganugerahan Fellowship ASM kepada dua felo kanan akademi tersebut iaitu Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Dr. Yusof Basiron dan ahli fizik teori Dr Cheah Swee Ping serta 19 felo baharu ASM.

Sementara itu, Mohd. Najib dalam ucapannya berkata, Malaysia perlu mencergaskan semula bidang sains agar mampu menjana idea baharu dan strategi yang dapat menghasilkan kekayaan dan pekerjaan untuk rakyat.

Najib dalam ucapannya berkata, sains dan teknologi adalah instrumen yang berkuasa dalam perubahan sosial yang kesannya kepada pemodenan bukan sekadar peningkatan teknologi tetapi juga mengubah kehidupan individu, masyarakat dan negara.

Beliau juga mengiktiraf peranan penting organisasi seperti Akademi Sains Malaysia (ASM) dalam menjana idea untuk kerajaan mencapai agenda membina negara yang teguh dan makmur, serta menjadi negara maju menjelang 2020.

Dalam pada itu, Naib Canselor UniMAP ketika dihubungi merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan atas pengiktirafan tertinggi yang diterima oleh Mohd. Mustafa sekali gus menjadi perintis UniMAP untuk menempatkan diri dalam senarai TRSM.